

**SULIT**

1103 / 1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Percubaan SPM  
Ogos  
2010

2 ¼ jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


**[Lihat halaman sebelah**

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada amalan gaya hidup sihat. Huraikan pendapat anda tentang cara mempraktikkan amalan gaya hidup sihat. Panjangnya huraihan hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**AMALAN GAYA HIDUP SIHAT**

pengambilan makanan seimbang



bersukan



pemeriksaan kesihatan

## Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Semangat patriotisme perlu ada dalam diri generasi muda pada hari ini kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh remaja untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri mereka.

- 2 Keprihatinan dan kasih sayang ibu bapa penting dalam menentukan kejayaan hidup anak-anak. Anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam majalah tempatan berdasarkan pernyataan tersebut.

Tulis rencana itu selengkapnya.

- 3 Mutakhir ini kes penganiayaan kanak-kanak semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Jelaskan peranan masyarakat untuk membanteras gejala ini.

- 4 Perpaduan dalam kalangan rakyat penting dalam usaha menjanakan ekonomi sesebuah negara.

Huraikan kepentingan perpaduan rakyat terhadap perkembangan ekonomi negara tersebut.

- 5 Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan satu pertandingan menulis cerpen. Tema cerpen tersebut ialah pengorbanan guru. Anda ingin menyertai pertandingan tersebut.

Tulis cerpen anda itu selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Percubaan SPM  
Ogos  
2010

2  $\frac{1}{2}$  jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**1103/2 © 2010 PKPSM Cawangan Negeri Sembilan**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 1: Rumusan****[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang simptom penyakit depresi dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap negara. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Menurut Coyne dalam makalahnya, *Towards an Interactional Description of Depression*, kecelaruan emosi merupakan kecelaruan psikologi yang menghasilkan gangguan emosi sehingga menjadikan aktiviti harian. Penyakit depresi atau kemurungan merupakan penyakit lumrah yang menyerang penduduk di negara-negara maju dan membangun.

Sejak akhir-akhir ini, penghidap depresi di Malaysia meningkat dengan drastik, khususnya dalam kalangan pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah ataupun di pusat pengajian tinggi. Jika keadaan ini tidak diberikan perhatian yang serius, penyakit ini akan bertambah parah, termasuklah peningkatan kes bunuh diri. Biasanya mereka yang akan melakukan tindakan tersebut dapat dikesan melalui sikap yang kelihatan murung hampir setiap hari dan kadangkala minat atau kesukaan terhadap sesuatu aktiviti juga semakin merosot. Dalam hal ini, ibu bapa perlulah memantau fizikal anak-anak mereka sama ada berat badan yang semakin merosot atau keadaan anak yang kelihatan tidak bermaya sebagai langkah awal menangani masalah depresi.

Terdapat juga mereka yang terlibat dengan masalah ini berasa diri tidak bernilai dan bersalah atas tingkah lakunya sendiri. Kadangkala mereka yang sentiasa membayangkan kematian dan ingin membunuh diri juga merupakan pesakit depresi. Sesetengah ibu bapa terlalu menekan anak mereka untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Bagi mereka, pencapaian "A+" anak-anak dalam peperiksaan akan menimbulkan rasa megah di hati. Oleh itu, anak-anak dipaksa berlumba-lumba mengejar impian, sibuk dengan tuisyen dan kerja rumah yang bertimbun-timbun sehingga tiada masa untuk melayan diri sendiri.

Zaman kanak-kanak yang sepatutnya ceria telah dipenuhi oleh aktiviti yang berat sehingga menimbulkan masalah gangguan dalam gerakan badan atau psikomotor. Mereka juga mula menghadapi masalah untuk berfikir dan menumpukan perhatian. Emosi mereka terganggu dan akhirnya mereka akan menghidap depresi. Selain itu, mereka juga turut menghadapi kekeliruan dalam membuat keputusan. Segelintir ahli bijak pandai sering merungut bahawa tanggapan ibu bapa yang terlalu mengutamakan pencapaian akademik hanya akan melahirkan generasi yang tidak seimbang. Ibu bapa berkenaan tidak menyedari bahawa harapan tinggi yang diletakkan terhadap anak-anak mereka akan menyebabkan anak mereka mengalami masalah sukar untuk tidur atau tidak dapat tidur langsung dan seterusnya menghidap depresi.

Sesungguhnya depresi akan mempengaruhi sistem imun seseorang terhadap penyakit. Oleh itu, kebarangkalian terkena penyakit jantung ialah dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi berbanding orang yang normal. Menurut penyelidik psikologi, seseorang yang pernah menghidap penyakit depresi major mungkin mengalami kesukaran untuk kembali pulih sepenuhnya.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Bahaya Tekanan yang Melampau'  
oleh Tam Chai Lian,  
*Dewan Masyarakat*, Mac 2009)

**Soalan 2: Pemahaman**

[ 35 markah ]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kecelaruan emosi*. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan penyakit kemurungan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah murid diberi tekanan supaya mendapat keputusan cemerlang dalam akademik? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**UMAR :** Dan kalau aku jadi kau, aku mengajak kekasihku berbakti. (*Wajahnya sedih, bermenung memandang ke masa silam, rokok terbiar di celah jarinya, pengucapannya tenang dan lambat, mengenang*) Kau tak tahu, Piah. Sayang, kau tak melihat bagaimana aku kecil-kecil dulu, pergi ke sekolah dengan kaki ayam, berjalan di atas batas-batas sawah. Ibu sakit-sakit dan ayah pergi ke hutan bekerja balak. Kadang-kadang kami makan sekali sehari. Aku ke sekolah dengan perut lapar, tak membawa wang satu sen pun.... (*Safiah mendengar terpesona, wajahnya turut sedih, matanya terpaku ke wajah Umar*) Dan kau menemui aku ketika aku sudah menjadi mahasiswa, dengan buku-buku, dalam kuliah.... Kalau kau menyayangi aku dulu lagi, kita akan lebih bahagia.... (*Tiba-tiba berpaling menghadapi Safiah*) Tanyalah dirimu, Piah, apa yang membawa hatimu padaku? Aku anak kampung, aku dilahirkan di atas tikar di lantai nibung. Kalau kau mengasihiku kerana aku mahasiswa, maka kasih itu tak akan kekal. Kalau kau mencintai aku kerana kau menggantungkan cita-citamu untuk ke luar negeri, maka kasih itu akan malap nanti. Kasihlah padaku kerana aku. Aku, bukan kerjaku, bukan pelajaranku. Aku pun sayang padamu bukan kerana kau cantik sahaja, bukan kerana kau anak pegawai tinggi dalam Kementerian Pelajaran, tapi kerana dirimu, sifatmu. (*Mata Safiah terpaku ke mata kekasihnya. Bibir Safiah menggeletar, bergerak-gerak seolah-olah hendak mengatakan sesuatu, tapi suaranya tak keluar*).

**SAFIAH :** (*Suara tersekat, menahan tangis*) Aku sayang padamu kerana dirimu juga, Mar. Tapi aku bercita-cita, aku berharap dan harapan itulah yang selalu kubawakan dalam impianku dalam hidup bersamamu nanti.

(Dipetik daripada  
'Serunai Malam,'  
oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapa Umar bersungguh-sungguh mahu berbakti kepada masyarakat kampung? [2 markah]
- (ii) Sebagai generasi muda yang berwawasan, nyatakan usaha yang dapat anda lakukan untuk meningkatkan tahap pendidikan anak-anak kampung? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan drama tersebut. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Sang Rajuna Tapa pun berkirim surat ke Jawa, demikian bunyinya, “Jikalau Betara Majapahit hendak menyerang Singapura, hendaklah segera datang, kerana hamba ada belot dari dalam kota.”

Setelah Betara Majapahit mendengar bunyi surat bendahari Raja Singapura itu, maka baginda pun segera menyuruh ber lengkap tiga ratus buah jong, lain daripada itu kelulus, pelang, jongkong, tiada terbilang lagi; ada dua keti rakyat Jawa yang pergi itu. Maka sekaliannya pun berlayarlah. Telah datang ke Singapura, maka peranglah dengan orang Singapura.

Ada berapa hari, maka Raja Iskandar pun menyuruh mengeluarkan beras pada bendahari akan pelabur segala rakyat. Maka sembah Sang Rajuna Tapa, “Beras tiada lagi, Tuanku”. Kerana ia hendak belot.

Telah dinihari, maka Sang Rajuna Tapa membukakan pintu kota, maka Jawa pun masuklah. Maka beramuk-amukan dengan segala orang dalam kota. Daripada banyak kedua pihak rakyat mati, darah pun seperti air sebak penuh melimpah di dalam kota Singapura. Maka itulah bekas darah yang ada sekarang di padang Singapura itu.

Syahadan, *patahlah perang*, orang Singapura. Maka Raja Iskandar pun berlepas turun dari Seletar lalu ke Muar. Dengan takdir Allah taala maka rumah Sang Rajuna Tapa itu pun roboh, dan kerengkiangnya pun tumbang, dan beras pun habis menjadi tanah, dan Sang Rajuna Tapa laki-isteri pun menjadi batu; ada batu itu sampai sekarang ini di parit Singapura itu.

(Dipetik daripada  
'Kezaliman Membawa Padah',  
dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *patahlah perang*? [1 markah]
- (ii) Nyatakan tiga tindakan Betara Majapahit setelah baginda mengetahui kandungan surat yang dikirim oleh Sang Rajuna Tapa. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan kesetiaan rakyat kepada pemerintah? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 2(d) – Petikan Puisi**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR KELEBIHAN ILMU**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapat,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilaikan,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramat subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemus tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

**Za'ba**  
*Antologi Kerusi*  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud

Harganya tidak dapat dinilaikan,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah cara seseorang itu meningkatkan pengetahuannya?  
Nyatakan tiga cadangan anda.

[3 markah]

- (iii) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam syair tersebut.

[4 markah]

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]**

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- |                |                    |
|----------------|--------------------|
| (i) susun      | (iv) tersusun      |
| (ii) susunan   | (v) bersusun-susun |
| (iii) menyusun | (vi) penyusunan    |

**[6 markah]**

- (b) Tulis ayat-ayat di bawah semula supaya menjadi enam ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.

Warga tua memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada ahli keluarga. Mereka tidak seharusnya ditempatkan di rumah kebajikan yang terdapat di seluruh negara. Oleh sebab itu, anak-anak tidak wajar mengabaikan ibu bapa mereka. Sebaliknya, sentiasalah memberikan perhatian kepada mereka.

**[6 markah]**

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para jemputan dikehendaki supaya mengena pakaian yang sesuai ketika menghadiri majlis peresmian Pertandingan Pidato Piala Diraja itu.
- (ii) Bagi membolehkan Malaysia dibangunkan dengan pesat dan berdaya saing pada peringkat antara bangsa, penguasaan rakyat dalam beberapa bahasa utama dunia merupakan satu keperluan.
- (iii) Kakitangan awam dinasihatkan agar tidak mencampur adukkan masalah peribadi dengan masalah kerja semasa bertugas.

**[6 markah]**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Program itu diadakan demi untuk mengeratkan hubungan antara kaum di negara yang berhemah ini.
- (ii) Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyiaran amaran keras pada para pengusaha ladang bahawa mereka akan didakwa jika melakukan pembakaran terbuka.
- (iii) Farah Sakinah berjaya mendapat tempat kedua di dalam perlawanan Lagu Puisi yang diadakan di Kompleks Budaya.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Syahmi : Generasi muda seperti kita, merupakan aset penting kepada negara. Oleh itu, kita seharusnya dididik dengan sempurna sejak kecil oleh ibu bapa, ibarat kata orang-orang tua \_\_\_\_\_ (i).

Hafiz : Betul kata kamu tu, Syahmi. Pada pendapat saya, guru sebagai pendidik seharusnya bekerjasama dengan ibu bapa \_\_\_\_\_ (ii), untuk meningkatkan keperibadian murid dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan pada masa depan.

Syahmi : Sebagai remaja, kita sememangnya sering dibelenggu oleh pelbagai masalah dan mungkin melakukan pelbagai kesilapan, bak kata pepatah \_\_\_\_\_ (iii). Ibu bapa dan gurulah yang dapat diharapkan untuk membantu kita menyelesaikan masalah dan memberikan nasihat serta tunjuk ajar.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Pengarang menggunakan pelbagai teknik penceritaan untuk menghasilkan karya yang menarik.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari,uraikan **dua teknik penceritaan** yang digunakan oleh pengarang.

**[7 markah]**

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, bandingkan perwatakan **satu** watak sampingan dalam kedua-dua buah novel tersebut.

**[8 markah]****KERTAS SOALAN TAMAT**





**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Bahasa Melayu**

**Kertas 1**

**Kriteria Penskoran dan Perincian Pemarkahan**

Ogos

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

---

**KRITERIA PENSKORAN DAN  
PERINCIAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Kriteria Penskoran dan Perincian Pemarkahan ini **SULIT**.  
Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja.  
Segala maklumat yang terkandung dalam Kriteria Penskoran ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Kriteria Penskoran ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk pencetakan sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis.

**Kriteria Penskoran dan Perincian Pemarkahan ini  
mengandungi 7 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

## BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)

## BAHAGIAN A.

## KRITERIA PENSKORAN

**Tema : Amalan gaya hidup sihat**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>- Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> <li>- Ejaan mengikut sistem ejaan rumi baru.</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>- Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang sangat menarik.</li> <li>- Terdapat penggunaan peribahasa, cogan kata dan slogan.</li> <li>- Idea sangat relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.</li> <li>- Pengolahan dan pemerenggan yang sangat menarik.</li> </ul>
Kepujian	20 – 25	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>- Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> <li>- Ejaan mengikut sistem ejaan rumi baru.</li> <li>- Penggunaan kosa kata luas.</li> <li>- Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>- Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.</li> <li>- Kesalahan fakta kecil tetapi bahasa betul.</li> <li>- Kesalahan bahasa yang minimum.</li> <li>- Pengolahan dan pemerenggan menarik.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	
Memuaskan	15 – 19	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan <b>masih menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>- Bahasa <b>masih gramatis</b> dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih betul</b> dan tepat. <b>Ejaan masih</b> mengikut sistem ejaan rumi baru. Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>- Wacannya <b>masih lengkap</b>. Unsur bahasa <b>masih bervariasi</b>.</li> <li>- Idea <b>masih relevan</b> dengan tema bahan rangsangan dan huraian idea <b>masih jelas</b>.</li> <li>- Kesalahan fakta kecil dan kesalahan bahasa yang <b>minimum</b>.</li> <li>- Pengolahan dan pemerengganan <b>masih</b> menarik.</li> </ul>
Kurang Memuaskan	10 – 14	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Karangan <b>kurang menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>- Bahasa <b>kurang gramatis</b> dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan tatabahasa ketara</b>.</li> <li>- <b>Ejaan</b> mengikut sistem ejaan rumi baru dan terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>.</li> <li>- Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>- Wacannya <b>kurang lengkap</b>. Unsur bahasa <b>kurang bervariasi</b>.</li> <li>- Idea <b>kurang relevan</b> dengan tema bahan rangsangan dan huraian idea <b>kurang jelas</b>.</li> <li>- Pengolahan dan pemerengganan <b>kurang</b> menarik.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	01 – 09	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>- Calon <b>tidak memahami</b> tema bahan rangsangan dan idea <b>tidak menepati tema bahan</b> rangsangan.</li> <li>- Terdapat <b>kesalahan tatabahasa</b> dan <b>ejaan</b> yang ketara.</li> </ul>

**BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)****BAHAGIAN B.****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
  - b. Terlalu panjang, periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format bagi karangan syarahan **ditolak maksimum 2 markah**.
  - tiada kata alu-aluan, tolak 1 markah.
  - tiada kata penghadapan, tolak 1 markah.
  - tiada penutupan / kesimpulan, tolak 1 markah.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah **3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, bahasa, ejaan dan tanda baca.

( ) = kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = kesalahan ejaan dan huruf

// = kesalahan ejaan dan huruf yang berulang

O = kesalahan tanda baca

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>- <b>Penggunaan pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>- <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul dan tepat.</li> <li>- <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> sangat luas dan tepat</li> <li>- <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>- <b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> </ul>
Cemerlang Atas	90 – 100	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Wacananya</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>- <b>Unsur bahasa yang digunakan bervariasi</b>.</li> <li>- <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
Cemerlang Bawah	80 – 89	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Penggunaan pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>- <b>Penggunaan pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- <b>Ejaan, tanda baca</b> dan kosa kata betul.</li> <li>- <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>- <b>Idea relevan</b> dengan tugasan dan diuraikan dengan jelas.</li> </ul>
Kepujian	66 – 79	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Pengolahan menarik</b> dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li>- <b>Wacananya</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>- <b>Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi</b>.</li> <li>- <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
Kepujian Atas	73 – 79	
Kepujian Bawah	66 – 72	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	51 – 65	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.</li> <li>- Penggunaan ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Ejaan dan tanda baca masih betul.</li> <li>- Laras bahasa masih sesuai dengan tugasan.</li> </ul>
	58 – 65	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>- Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian masih jelas dan contoh sesuai.</li> <li>- Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li>- Wacananya masih lengkap.</li> </ul>
	51 – 57	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
Memuaskan	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.</li> <li>- Penggunaan ayat kurang gramatis.</li> <li>- Ejaan dan tanda baca masih betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Laras bahasa kurang sesuai dengan tugasan.</li> <li>- Penggunaan kosa kata umum dan terhad.</li> </ul>
	43 – 50	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Idea masih relevan mengikut tugasan, dan huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> <li>- Pengolahan kurang menarik dan pemerengganan kurang sesuai.</li> <li>- Wacananya masih/kurang lengkap.</li> </ul>
	36 – 42	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang Memuaskan  Kurang Memuaskan Atas  Kurang Memuaskan Bawah	21 – 35  28 – 35  21 – 27	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan kata kurang tepat.</li> <li>- Penggunaan ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>- Idea masih relevan dan bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>- Pengolahan tidak menarik.</li> <li>- Wacananya tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
Pencapaian Minimum  Pencapaian Minimum Atas  Pencapaian Minimum Bawah	01 – 20  11 – 20  01 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis.</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>- Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas, tidak berkembang dan tiada contoh.</li> <li>- Pengolahan tidak menarik.</li> <li>- Wacananya tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>- Keseluruhan karangan sukar dan tidak difahami.</li> </ul>

\*Nota : Jawapan untuk Soalan 1 Bahagian B.

Usaha-usaha yang diterima hanyalah **usaha-usaha daripada remaja sahaja seperti;**

- melibatkan diri dalam aktiviti pasukan beruniform
- menghormati lagu kebangsaan
- menghayati makna dalam Rukun Negara
- menghadiri atau terlibat dalam sambutan hari kemerdekaan
- menjaga nama baik negara

#### SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

HAK UPP



**SULIT**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
Ogos**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta PKPSM Cawangan Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**1103/2(PP) © 2010 Hak Cipta PKPSM Negeri Sembilan**

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
- (b) Bahasa - **10 markah**

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:  
  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata depan di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
	<b>Jumlah markah</b>									<b>20</b>

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 1 : Petikan Rumusan**

**Pendahuluan**

**Markah**

Petikan merumuskan/ membincangkan/ menerangkan/ menyatakan/ menjelaskan petanda/ tanda-tanda/ petunjuk/ penyakit depresi dalam kalangan remaja.

2

**Isi Tersurat (Simptom penyakit depresi)**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Sikap yang kelihatan murung hampir setiap hari.                      | 2 |
| 2. Minat atau kesukaan terhadap sesuatu aktiviti yang semakin merosot.  | 2 |
| 3. Berat badan yang semakin merosot.                                    | 2 |
| 4. Keadaan anak yang kelihatan tidak bermaya.                           | 2 |
| 5. Sentiasa membayangkan kematian dan ingin membunuh diri.              | 2 |
| 6. Gangguan dalam gerakan badan atau psikomotor.                        | 2 |
| 7. Masalah untuk berfikir dan menumpukan perhatian.                     | 2 |
| 8. Kekeliruan dalam membuat keputusan.                                  | 2 |
| 9. Mengalami masalah sukar untuk tidur atau tidak dapat tidur langsung. | 2 |

**Isi Tersirat (Kesannya terhadap negara)**

- |  |   |
|--|---|
| 1. Gagal melahirkan modal insan.                                 | 2 |
| 2. Kos rawatan/ pemulihan meningkat.                             | 2 |
| 3. Terpaksa menambah bilangan pusat rawatan berkaitan depresi.   | 2 |
| 4. Terpaksa menambah pakar-pakar dalam bidang perubatan depresi. | 2 |
| 5. Kehilangan tenaga kerja.                                      | 2 |
| 6. Menjejaskan ekonomi negara.                                   | 2 |
| 7. Imej negara terjejas.   | 2 |

**(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai).**

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, anggota masyarakat harus peka terhadap bahaya penyakit depresi dalam kalangan remaja agar masa depan generasi muda terbelia/ terjamin.

2

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/ tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 2**

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : **9** markah
- Soalan 2 (b) : **9** markah
- Soalan 2 (c) : **8** markah
- Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. Kesalahan bahasa dan **ejaan** hendaklah **ditolak  $\frac{1}{2}$  markah** daripada markah keseluruhan yang diperoleh daripada setiap soalan.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

## (i) Maksud

- perasaan tidak tentu arah/ kacau-bilau

**[Maksimum: 2 markah]**

## (ii) Kesan

- peningkatan kes bunuh diri
- berasa diri tidak bernilai
- bersalah atas tingkah lakunya sendiri
- mempengaruhi sistem imun seseorang terhadap penyakit
- kebarangkalian terkena penyakit jantung ialah dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi

**[Maksimum:3 markah ]**

## (iii) Pendapat

Wajar	Tidak wajar
<ul style="list-style-type: none"> <li>- kecemerlangan akademik telah dijadikan syarat utama ke IPT</li> <li>- kecemerlangan akademik telah dijadikan syarat utama mendapat biasiswa</li> <li>- kecemerlangan akademik menggambarkan penguasaan murid terhadap ilmu yang dipelajarinya.</li> <li>- trend masyarakat yang mengukur kecemerlangan pelajar berdasarkan bilangan A yang diperoleh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- murid perlu cemerlang dalam bidang lain juga</li> <li>- bukan faktor penentu kejayaan dalam hidup/ kerjaya</li> <li>- murid juga perlu mempunyai kemahiran sosial / interpersonal</li> <li>- perlu pembangunan diri yang seimbang/ JERI</li> <li>- tidak boleh mengabaikan aspek kemahiran vokasional/ psikomotor/ seni</li> </ul>

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**Soalan 2(b) : Petikan Drama**(i) **Sebab :**

- masyarakat kampung masih dibelenggu kemiskinan 1
- dia pernah melalui keperitan hidup semasa kecil 1
- dia sendiri berasal dari kampung 1
- taraf pendidikan masyarakat kampung masih rendah 1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) **Pendapat :**

- memberikan kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan 1
- membimbing kanak-kanak menguasai kemahiran asas 1
- menganjurkan pelbagai kursus peningkatan ilmu 1
- mengadakan ceramah, bengkel dan pameran 1
- mengadakan kelas bimbingan/tambahan 1
- mencari dana untuk membeli peralatan pembelajaran 1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) **Satu nilai dalam petikan**

- **kesedaran/keinsafan**

Cth : Umar sentiasa sedar akan kesusahan hidup yang pernah dilaluinya semasa dia masih kecil dan tinggal di kampung. 1

- **kasih sayang**

Cth : Umar dan Safiah saling menyayangi/ Umar menyayangi anak bangsanya. 1

- **ketabahan**

Cth : Umar tabah menghadapi keperitan hidupnya semasa kecil. 1

**Satu nilai dalam drama**

- **semangat patriotik**

Cth : Umar cinta akan tanah airnya dan sedia berkhidmat di negaranya/ di kampungnya. 1

- **hormat-menghormati**

Cth : Ibu Safiah menghormati ayah Umar yang datang ke rumahnya. 1

**kegigihan**

Cth : Umar gigih berusaha hingga dia berjaya menamatkan pengajiannya di universiti. 1

- **baik hati**

Cth : Pak Majid membawa oleh-oleh dari kampung untuk keluarga Safiah. 1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik****(i) Maksud :**

- kalah/tewas/kecundang dalam pertempuran/pergaduhan

1

**[Maksimum : 1 markah]****(ii) Tiga tindakan Betara:**

- menyediakan 300 buah kapal
- menyediakan peralatan/senjata peperangan
- menyediakan dua keti tentera
- mengarahkan pasukan tenteranya belayar ke Singapura
- mengarahkan tenteranya berperang dengan Singapura

1

1

1

1

1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****(iii) Kepentingan :**

- menjamin negara terus aman dan makmur
- dapat memajukan dan memacu pembangunan negara
- segala agenda negara dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya
- menyuburkan nilai murni dalam diri
- mempertahankan negara daripada ancaman musuh/pihak luar

1

1

1

1

1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 4 markah]****[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**Soalan 2(d) : Petikan Puisi****(i) Maksud :**

- Ilmu terlalu berharga dan tidak dapat dijual beli serta amat berguna kepada manusia walau di mana-mana sahaja kita berada. 2
- Ilmu terlalu berharga 1
- Ilmu sangat tinggi nilainya 1
- Ilmu memberi banyak manfaat kepada kita 1
- Ilmu sangat berguna walau di mana-mana kita berada 1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****(ii) Tiga cara :**

- banyak membaca bahan bacaan 1
- bergaul dengan orang-orang yang berilmu 1
- berguru dengan orang yang pakar 1
- sentiasa melayari internet/merujuki media massa 1
- berbincang dengan rakan/guru/orang lain 1

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 3 markah]****(iii) Dua persoalan :**

- Ilmu sangat berguna kepada manusia - ilmu dapat menerangi kehidupan kita hingga akhir hayat. 2
- Ilmu menjamin kebahagiaan hidup – ilmu dapat membantu kita membina kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan 2
- Insan sangat memerlukan ilmu – semua orang memerlukan ilmu, lebih-lebih lagi golongan yang bijaksana. 2
- Ilmu penyelesai masalah – ilmu dapat membantu kita menyelesaikan pelbagai masalah dalam kehidupan. 2

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)****[Maksimum : 4 markah]**

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) - **6** markah
- Soalan 3 (b) - **6** markah
- Soalan 3 (c) - **6** markah
- Soalan 3 (d) - **6** markah
- Soalan 3 (e) - **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat berkenaan.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.
11. Nota: **-nya** boleh diterima (bukan imbuhan).

**3 (a) Membina ayat**

- |       |                |  |
|-------|----------------|--|
| (i)   | susun          | : longgok yang teratur / tingkat / rangkai / untai (sajak) / rangkap berlapis ( kelopak bunga mawar) |
| (ii)  | susunan        | : timbunan (barang) yang bertindih-tindih / sesuatu yang disusun (diatur dll)                        |
| (iii) | menyusun       | : meletakkan berlapis-lapis / mengatur baik-baik / merencanakan / menggubah.                         |
| (iv)  | tersusun       | : sudah disusun (diatur, disiapkan)  |
| (v)   | bersusun-susun | : terletak dalam beberapa banyak susun / berlapis-lapis / bertingkat-tingkat.                        |
| (iv)  | penyusun       | : orang yang menyusun (mengatur) / alat untuk menyusun   |

**[Maksimum : 6 markah]**

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**3(b) Memisahkan ayat  
Perhatian bagi Soalan 3(b)**

- (i) Jawapan boleh ditulis sama ada mengikut urutan nombor (i– vi) atau ditulis dalam satu perenggan.
- (ii) Berikan markah secara ‘impression’  
[Baik 5 - 6, Sederhana 3 - 4, dan Lemah 1 - 2]
- (iii) Sekiranya terdapat calon melakukan banyak kesalahan tatabahasa tetap ditolak  $\frac{1}{2}$  markah untuk markah keseluruhan.

**Jawapan**

- (i) Warga tua memerlukan perhatian daripada ahli keluarga.
- (ii) Warga tua memerlukan kasih sayang daripada ahli keluarga.
- (iii) Mereka tidak seharusnya ditempatkan di rumah kebajikan.
- (iv) Rumah kebajikan terdapat di seluruh negara.
- (v) Anak-anak tidak wajar mengabaikan ibu bapa mereka.
- (vi) Anak-anak hendaklah sentiasa memberikan perhatian kepada mereka.

**[Maksimum : 6 markah]**

**3(c) Ejaan/Imbuhan**

- |      |                   |   |                  |
|------|-------------------|---|------------------|
| (i)  | mengena           | - | mengenakan       |
|      | peresmian         | - | perasmian        |
| (ii) | dibangunkan       | - | membangun        |
|      | antara bangsa     | - | antarabangsa     |
| (ii) | mencampur adukkan | - | mencampuradukkan |
|      | dinasihatkan      | - | dinasihati       |

**[Maksimum : 6 markah]**

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

**3(d) Kata atau istilah/tatabahasa**

- |       |                        |   |                                     |
|-------|------------------------|---|-------------------------------------|
| (i)   | demi untuk<br>berhemah | - | demi / untuk<br>bertuah / berdaulat |
| (ii)  | menyiarkan<br>pada     | - | memberikan / mengeluarkan<br>kepada |
| (iii) | di dalam<br>perlawanan | - | dalam<br>pertandingan               |

**[Maksimum : 6 markah]****Perhatian bagi soalan 3(e)**

1. Peribahasa mesti lengkap.
2. Jika calon mengemukakan lebih daripada **satu** peribahasa, pilih peribahasa yang paling tepat.
3. Tambah perkataan pada peribahasa, **maksud masih betul** - diterima.
4. Peribahasa tidak lengkap/terbalik - 0 markah.
5. Salah ejaan/tatabahasa, **tolak  $\frac{1}{2}$  markah** bagi markah keseluruhan.

**Jawapan 3(e)**

- (i) melentur buluh biarlah dari rebungnya.
- (ii) bagi aur dengan tebing.
- (iii) bumi mana tidak ditimpa hujan/lautan mana yang tak bergelombang.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi soalan 4**

- (a) ( i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri **2 markah** bagi setiap contoh **teknik penceritaan** yang lengkap/jelas.  
(iv) Beri **1 markah** bagi contoh teknik **penceritaan** yang kurang lengkap/kurang jelas.  
(v) Markah isi maksimum **4 markah**.  
(vi) Markah **bahasa** maksimum **3 markah**.  
(vii) Markah **bahasa** diberi secara *impression*.  
    Baik : 3 markah  
    Sederhana : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi **0**, beri **1 markah** untuk bahasa.  
(ix) Calon yang tidak menjawab langsung, berikan **0 markah**.

**[Maksimum : 7 markah]**

- (b) ( i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri **1 markah** untuk contoh **perwatakan sampingan** bagi setiap novel.  
(iv) Beri **2 markah** untuk setiap huraian **perwatakan sampingan** yang lengkap/jelas bagi setiap novel.  
(v) Markah isi maksimum ialah **6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel).  
(vi) Markah **bahasa** maksimum **2 markah**.  
(vii) Markah **bahasa** diberi secara *impression*.  
    Baik : 2 markah  
    Lemah : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi **0**, calon tetap diberi **1 markah** untuk bahasa.  
(ix) Calon yang tidak menjawab diberi **0 markah**.

**[Maksimum : 8 markah]****[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Jawapan Soalan 4(a)**

[Pilih mana-mana 2 teknik penceritaan daripada salah satu novel]

**(i) Bukit Kepong karya Ismail Johari**

- 1. Teknik pemerian (pengarang memerihalkan suasana/latar/peristiwa/watak dan lain-lain secara terperinci)**
  - Ketika pengarang menggambarkan suasana masyarakat Bukit Kepong dan pandangan mereka terhadap politik. Digambarkan bahawa masyarakat Cina tidak kenal politik sementara masyarakat Melayu baru berjinak-jinak dengan politik yang dibawa oleh Penghulu Ali dan rakan-rakan rapatnya.
  - Ketika pengarang menggambarkan keadaan fizikal Othman yang dikatakan gempal, sederhana tinggi, berkulit cerah serta berbudi bahasa.
- 2. Teknik dialog (perbualan yang melibatkan lebih daripada satu watak)**
  - Contohnya perbualan antara Othman dengan emaknya yang disaksikan oleh Limah sewaktu Othman di stesen keretapi Bukit Mertajam ketika mula-mula hendak ke Kuala Lumpur mendaftarkan diri di Pusat latihan Polis Kuala Lumpur.
- 3. Teknik monolog (watak berkata-kata secara sendirian dan pihak lain tidak memberi respons terhadap kata-katanya)**
  - Contohnya ketika pengarang memperlihatkan watak Othman yang bercakap sendirian ketika melihat beberapa bilah buluh yang dicacahkan ke tanah ketika meronda di sempadan kawasan kampung Bukit Kepong.
- 4. Teknik monolog dalaman (watak bercakap sendirian dalam hati)**
  - Teknik ini dipaparkan oleh pengarang ketika menceritakan emosi Othman terhadap isterinya yang ditinggalkan semasa mula-mula dihantar bertugas di Balai Polis Bukit Kepong. Dia berasa lega tidak membawa Limah bersama kerana kawasan itu terletak jauh di pedalaman.
- 5. Teknik saspens (pembaca tertanya-tanya perkara/peristiwa yang akan berlaku seterusnya)**
  - Antara peristiwa yang menimbulkan saspens atau tanda tanya kepada pembaca ialah peristiwa pengganas menyerang Rumah Pasung Bukit Kepong. Pembaca tertanya-tanya sama ada anggota polis berjaya atau gagal mempertahankan rumah pasung itu.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**(ii) Konsero Terakhir karya Abdullah Hussain**

- 1. Teknik imbas kembali (watak teringat/terkenang kembali peristiwa yang telah berlaku)**
  - Digunakan oleh pengarang ketika menceritakan perihal Datin Salmah teringat akan kata-kata kakaknya, Datin Laila yang menghasutnya supaya jangan membenarkan Hilmi tinggal di situ. Datin Salmah membayangkan bahawa Datin Salmah akan mendapat malu besar jika kawan-kawan mereka mendapat tahu tukang kebunnya itu sebenarnya ialah anak saudaranya sendiri yang miskin dan berpelajaran rendah.
  - Peristiwa lain ialah ketika Datuk Johari juga teringat semula akan peristiwa malam pertama perkahwinannya dengan ibu Hilmi dan saat dia meninggalkan isterinya itu kerana tidak suka berkahwin secara paksa.
  - Terdapat juga peristiwa imbas kembali oleh Helmi semasa dia di dalam kapal terbang. Hilmi teringat kesungguhan Encik Bakar membantu dan mendidiknya sehingga mencapai kejayaan yang dicapainya sekarang.
- 2. Teknik dialog (perbualan yang melibatkan lebih daripada satu watak)**
  - Digunakan oleh pengarang semasa menunjukkan rasa kurang senang Datin Salmah terhadap Hilmi ketika Hilmi mula-mula menjejakkan kaki ke rumahnya kerana ingin meminta kerja daripada Datuk Johari.
- 3. Teknik monolog (berkata-kata secara sendirian dan pihak lain tidak memberi respons terhadap kata-katanya)**
  - Teknik ini dapat dilihat semasa Hilmi kesunyian dan tidak mempunyai teman untuk berbicara lalu dia bermonolog sendirian kepada bunga-bunga yang seakan-akan faham akan perasaannya.
- 4. Teknik saspens (pembaca bertanya-tanya tentang perkara/peristiwa yang akan berlaku seterusnya)**
  - Pembaca bertanya-tanya peristiwa yang akan terjadi kepada Hilmi yang tanpa sengaja telah merosakkan piano Hayati.
  - Ketika Hilmi jatuh sakit sebelum persembahan bermula dan dia dimasukkan ke hospital. Pembaca bertanya-tanya siapakah yang akan

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

mengantikannya dalam menjayakan persembahan itu, sedangkan semua persiapan untuk konsert telah dilakukan.

- Ketika keluarga Datuk Johari dan Pak Karim menunggu keputusan rawatan doktor terhadap Hilmi dari unit kecemasan. Pembaca tertanya-tanya tentang keadaan kesihatan Hilmi dan adakah dia dapat mengadakan konsertnya seperti yang telah dirancangkan.

**(Teknik penceritaan serta jawapan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

#### Jawapan Soalan 4(b)

##### (i) Perwatakan Watak Sampingan (Bukit Kepong)

(Pilih mana-mana daripada satu watak berserta perwatakannya daripada setiap novel)

Contohnya:

###### 1. Limah

Watak

- Isteri Othman Yusof
- Memiliki wajah yang cantik
- Berbudi bahasa.
- Anak kepada Lebai Karim dan Mak Jah.
- Berpindah ke Pagoh kerana mengikut suaminya bertugas.

Perwatakan

- **Penyabar.** Contohnya, Limah bersabar apabila ditinggalkan suaminya yang dipanggil untuk bertugas dengan segera.
- **Patuh kepada suaminya.** Contohnya, dia sanggup mengikut suaminya bertugas di Pagoh, Johor dan menempuh susah dan senang bersama-sama suaaminya. Dia juga meminta kebenaran sebelum keluar dari rumah.
- **Terlalu mengikut emosi.** Contohnya, Limah mengalami sakit jiwa setelah menerima berita suaaminya terkorban dalam pertempuran dengan pengganas komunis.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

## 2. Sarjan Jamil Mohd. Shah

### Watak

- Dikenali juga dengan nama Sarjan Atan
- Suami kepada Kaimah
- Dilantik menjadi OCS (*Officer in-Charge of Police Station/ Ketua Balai Polis*) Bukit Kepong pada akhir Disember 1949.
- Terkorban akibat terkena tembakan dalam pertempuran dengan penggalas komunis.

### Perwatakan

- **Bertanggungjawab.** Contohnya, dia tetap pergi ke Bukit Kepong apabila menerima arahan walaupun ketika itu isterinya baru saja melahirkan anak bongsunya.
- **Berani.** Buktinya, beliau memimpin sepasukan 18 orang anggota polis bertempur dengan hampir 200 orang penggalas komunis.
- **Cekal.** Contohnya, dia begitu tabah dan cekal menghadapi pelbagai masalah dan cabaran ketika bertugas di Rumah Pasung Bukit Kepong yang terpencil dan serba kekurangan.

## 3. Penghulu Ali Mustapha.

### Watak

- Berusia 35 tahun
- Ketua Kampung Bukit Kepong
- Pemimpin yang amat dihormati oleh anak buahnya.

### Perwatakan

- **Bijaksana.** Contohnya, dia meramalkan bahawa penggalas komunis lambat-laun akan menyerang Bukit Kepong dan ternyata ramalan itu memang berlaku.
- **Berani.** Buktinya, beliau menurunkan bendera komunis yang dipasang di Bukit Kepong dan memberikan ceramah untuk melawan dakyah yang disampaikan oleh pihak komunis.
- **Bertanggungjawab.** Buktinya dia telah menyediakan pasukan kawalan keselamatan kampung.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**(ii) Perwatakan Watak Sampingan ( Konserto Terakhir )****1. Hayati**

## Watak

- Anak Datuk Johari dan Datin Salmah
- Bertunang dan berkahwin dengan sepupunya, Mohsin.

## Perwatakan

- **Penyayang.** Buktinya, dia tidak pernah membantah kehendak ibu bapanya walaupun kadangkala dia tidak sependapat dengan mereka.
- **Berkeyakinan tinggi.** Hal ini terbukti ketika Hilmi terlantar sakit, Hayati menggantikan tempat Hilmi memimpin persembahan Orkestra Perdana yang turut dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.
- **Sensitif.** Contohnya, Hayati merajuk dan mengasingkan diri di dalam bilik apabila Hilmi meninggalkan rumah Datuk Johari tanpa pengetahuannya semasa dia tiada di rumah.

**2. Datuk Johari**

## Watak

- Merupakan bapa kandung Hilmi dan Hayati , suami kepada Datin Salmah.
- Mempunyai jawatan penting dan berpangkat tinggi.
- Bergelar Datuk dan seorang yang kaya.

## Perwatakan

- **Angkuh/bangga diri.** Buktinya, dia malu untuk mengakui bahawa Hilmi ialah anak saudaranya sendiri yang datang dari kampung. Dia berasa malu jika rakan-rakan dan saudara-mara Datin Salmah tahu bahawa tukang kebunnya ialah anak saudaranya sendiri yang tidak berpelajaran tinggi.
- **Lupa daratan/ingkar perintah Allah.** Buktinya, beliau tidak pulang ke kampungnya selama 17 tahun, hanya pulang selama beberapa jam ketika bapanya meninggal dunia. Dia juga sudah lama tidak mengerjakan solat malah sering mabuk kerana meminum arak.
- **Menginsafi diri.** Buktinya, dia akhirnya menyesali sikapnya yang prejudis dan memandang rendah terhadap keupayaan Hilmi. Dia juga

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

kesal kerana telah memberikan layanan yang buruk kepada Hilmi, terutama setelah mengetahui bahawa Hilmi ialah anak kandungnya.

### 3. Encik Bakar

#### Watak

- Ayah Azizah
- Bapa mentua Hilmi
- Ketua sebuah kumpulan pancaragam kecil
- Seorang seniman agung.

#### Perwatakan

- **Baik hati dan ikhlas.** Buktinya, dia mengajar Hilmi tentang ilmu muzik secara percuma dan tidak mengharapkan balasan.
- **Berkeyakinan tinggi.** Buktinya dia berasa yakin bahawa Hilmi boleh menjadi pemuzik yang berjaya dan terkenal pada suatu hari nanti.
- **Berpendirian teguh/tegas.** Dia sanggup menanggung risiko dipecat daripada persatuan semata-mata memberikan peluang kepada Hilmi mengasah bakat muziknya.

**(Jawapan yang lain boleh diterima sekiranya difikirkan sesuai)**

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]